# Tarian2, seni silat patut di-beri galakan

20 SEP 1971

RAMAI pemimpin negara telah menegaskan betapa perlu-nya adat resam, kebudayaan dan kesenian b e r b agai2 bangsa keturunan digalak dan di-lindongi demi untok menjalinkan persefahaman antara satu sama lain.

Jika seni dan budaya berbagai2 kaum di-sibarkan melalui akhbar2 dan majallah2 serta menerusi alat2 sebaran 'am yang lain, maka sa-tiap orang akan dapat mempelajari dan mengetahui seni dan budaya orang lain.

☆

Di-Singapura umpamanya, seni dan budaya berbagai2 bangsa keturunan dalam masharakat Repablik ini di-berikan segala galakan yang di-perlukan tidak ada sebarang sekatan yang di-kenakan untok seni dan budaya sa-suatu bangsa berkembang dengan bebas.

Satu pementasan yang di-adakan di-Buckley Road baru2 ini harus di-berikan sa-tinggi pujian kerana berjaya mempersembahkan satu pertunjokan silat yang mengkagumkan.

Saya rasa pertunjokan saperti ini patut di-berikan galakan yang penoh serta juga tarian2 Melayu asli yang di-persembahkan oleh beberapa badan seni di-Singapura.

☆

Seni dan Budaya Melayu harus di-sibarkan dengan luas lagi untok pengetahuan orangramai.

Pehak Talivishen Singapura tentu dapat memainkan peranan yang penting untok tujuan tersebut.

Ada-lah lebeh baik lagi jika pehak RTS mengadakan satu achara samada sa-minggu sa-kali atau sa-bulan sa-kali, yang di-khaskan untok pertunjokan seni dan budaya Melayu.

RENDI IRIAWAN,
Singapura.

# Malam Pesta: Tahniah kpd penaja dan beberapa kritik

20 SEP 1971

KAMI uchapkan tahniah dan di-iringi dengan sekalong bunga atas kejayaan Enche Basri Alang selaku Guru Silat dan Pengelola "Malam Pesta" yang telah di-adakan di-Pondok PEKERBUNG KERANA pada malam 17.7. 1971 yang lepas itu.

Kami masharakat Bawean di-Pulau Singapura ini sangat2 gembira dan berbesar hati atas anjoran itu untok memperkenalkan lebeh dekat lagi kesenian orang Melayu kapada saudara2 kita bangsa lain, dan bertambah meriah-nya pula pada malam itu dengan ada-nya Enche' Ghazali Ismail, beliau pula telah di-anugerah dengan pangkat "Panglima ter-Khormat."

Tetapi apa yang memushkilkan hati kami, terutama-nya kami masharakat keturunan Bawean apa yang kami harap2kan pada malam itu ada-lah hampa belaka, malahan menimbulkan kekechewaan.

Pada malam yang kami anggap bersejarah itu tersulam pula dengan perasaan malu kapada rakan2 kami yang datang dari Johor Bharu.

☆

Terdengar dengan jelas di-telinga kami apa yang telah di-sungut oleh mereka itu.

Kad yang berharga $2.00 di-pintu masok, tetapi mana-kah tempat dudok?

Dan di-mana-kah ahli2 Jawatankuasa Pengelola? Banyak-lah lagi sungutan yang telah kami dengar dari penonton.

Sepanjang pertunjokan itu rakan2 kami itu chuma berdiri-lah sahaja.

Sudah-lah bagitu mereka itu tak dapat melihat pertunjokan itu dengan sempurna, kerana di-lindong oleh kepala orang2 yang berdiri lebeh tinggi dari mereka.

Sudah-lah bagitu mengikut pada jadual asal-nya sesudah habis pertunjokan mereka akan hidangkan jamuan Nasi Beryani.

Tetapi apa-kah yang telah kami di-hidangkan pada malam itu?

Kalau-lah tak mampu lebeh baik berpelok tuboh sahaja.

Kami tahu itu-lah kali yang pertama telah di-adakan tetapi tak usah-lah buat besar2an, memadai-lah dengan "PERTUNJOKAN" sahaja, dan di-adakan PESTA pula.

Akhir-nya yang menghampakan kami juga rakan2 kami pada malam itu untok menyaksikan permainan dari Pendekar2 yang handal2 sabagai mana gambar2 mereka yang telah tersiar di-dalam Akhbar sabelum dari itu.

Saperti saudara2 Mawar Ifi, dan adek-nya Mahfok, Rahim dan lain2 lagi, kemana-kah mereka itu semua?

Kenapa-kah lain yang di-siarkan dan lain pula yang di-persembahkan?

FINSO TUA
Singapura.

# PERPENSIS ADAKAN MAJLIS SHUKOR

30 SEP 1971

SINGAPURA, Rabu. — Persatuan Penchak Silat Singapura (Perpensis) akan mengadakan satu majlis keshukoran kerana selamat kembali-nya penaong mereka, Haji Ya'acob bin Haji Mohamed.

Majlis tersebut akan di-langsongkan di-Madrasah Al-Ma'arif, Ipoh Lane pada hari Sabtu, 2 Oktober mulai jam 9.30 malam.

Setiausaha Persatuan itu, Enche Abdullah Awang menjelaskan bahawa majlis tersebut khusus di-adakan untok menyambut kepulangan Haji Ya'acob yang baru menamatkan khidmat-nya sa-bagai Duta Singapura ka-Filipina.

Haji Ya'acob telah menjadi penaong Persatuan Penchak Silat Singapura itu sejak mula2 ia di-tubohkan pada tahun 1969.

Enche Abdullah menyeru semua anggota2 Perpensis supaya hadhir dalam majlis itu. Jamuan rengan akan di-hidangkan.